

Muhammad Anfal usahawan sos serba guna

Bukan mudah bergelar usahawan dan pada masa sama perlu beri tumpuan kepada pelajaran termasuk aktif dalam persatuan serta kelab di peringkat universiti.

Itu kesukaran dan kekangan dihadapi pelajar tahun tiga Ijazah Sarjana Muda Pembangunan Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang, Muhammad Anfal Zainudin yang kini bergelar usahawan sos serba guna.

Menurutnya, dia akui sukar memulakan perniagaan pada mulanya kerana sukar mendapatkan tapak sesuai.

“Sebelum berniaga buah di Pintu 5 UPM, saya pernah menjaja di tapak

penjaja Sri Serdang.

“Ketika itu, peniaga di situ tak senang hati dengan saya.

“Selepas itu saya cuba memohon permit perniagaan dengan Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ), namun tidak diluluskan.

“Saya naik turun pejabat MPSJ bagi memohon permit itu tapi akhirnya permohonan tidak diluluskan,” katanya ketika ditemui pada majlis pelancaran Bulan Keusahawanan Siswa 2019 di UPM, baru-baru ini.

Katanya, dia juga akui sukar seimbangkan masa antara pelajaran dan perniagaan terutama pada awal semester yang

memerlukan setiap pelajar menghadiri kelas.

Muhammad Anfal berkata, selain bergelar pelajar, dia juga aktif dalam Persatuan Silat Cekak Pusaka Hanafi.

Dalam pada itu, katanya, sos serba guna jenama MarBehLoz mula dikenali ramai khususnya bagi penuntut UPM sejak mula membuka kios gerai buah di Pintu 5, UPM, Ogos lalu.

Muhammad Anfal berkata, dia pernah melakukan pelbagai kerja sampingan termasuk menjalankan spa mudah alih, namun tidak mendapat sambutan sebelum terbabit dalam perniagaan berkenaan.



MUHAMMAD ANFAL bersama produk sos serba guna dihasilkannya.